



SIARAN MEDIA
MAJLIS BERSUNGKAI YANG BERHORMAT
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN BERSAMA MURID DAN PELATIH
BERSERTA IBUBAPA/PENJAGA PUSAT BAHAGIA BRUNEI DAN MUARA 2018

Bandar Seri Begawan, Rabu 6 Jun 2018 – Di atas dasar pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (OKU), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Syarikat YMRM telah menganjurkan satu majlis bersungakai bersama murid dan pelatih Pusat Bahagia Daerah Brunei Muara berserta ibubapa dan penjaga mereka. Majlis ini telah ditaja oleh Syarikat YMRM pada lewat petang ini di Dewan Di-Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis yang diadakan ini merupakan majlis tahunan KKBS yang bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim di antara murid dan pelatih serta keluarga mereka bersama pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia, guru-guru, dermawan dan para jemputan yang hadir. Para jemputan juga berpeluang untuk beramah mesra dengan murid dan pelatih OKU sambil dapat meningkatkan empati dan keterlibatan masyarakat dalam sama-sama memeduli hal ehwal golongan OKU.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim. Turut hadir ialah Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Awang Ramesh Jiwastram Bhawani, Pengerusi Syarikat YMRM, wakil kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu, serta murid dan pelatih Pusat Bahagia bersama ibubapa.

Bagi memberkati majlis, acara dimulai dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Mulia Awangku Md Syukri bin Pengiran Damit, murid OKU *Down*

Syndrome dari Pusat Bahagia Brunei Muara, manakala doa tahlil pula dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Nuurmatin bin Haji Abu Bakar, Guru Ugama Pusat Bahagia Brunei Muara, dan kemudian diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Seramai 156 orang murid dan pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara menerima sampul Hari Raya Aidilfitri hasil kutipan derma daripada kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim juga selaku wakil kumpulan isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-Ahli Bersekutu. Pada masa yang sama, hadiah berupa *goodie bags* dan sampul Hari Raya Aidil Fitri hasil sumbangan ikhlas daripada Syarikat YMRM pula disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ramesh Jiwatram Bhawani, Pengerusi Syarikat YMRM.

Majlis seumpama ini dihasratkan dapat diteruskan pada masa akan datang memandangkan ia dapat memberikan keceriaan dan kegembiraan kepada murid-murid dan para pelatih OKU dalam sama-sama menyambut bulan Ramadhan yang penuh berkah. Acara ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan golongan OKU untuk berhadapan dengan masyarakat bahkan juga dapat meningkatkan keterlibatan mereka di dalam masyarakat. Oleh itu, para dermawan dan sukarelawan di Brunei Darussalam adalah digalakkan untuk memeduli kebajikan golongan OKU secara aktif.

##Tamat##

*Dikeluarkan Oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 21 Ramadhan 1439 / 6 Jun 2018*